

Aktiviti 2

Baca teks. Kemudian, tulis ayat tunggal dan ayat majmuk.

Sarapan Berkhasiat

Bagi Puan Sakina, sarapan yang berkhasiat sangat penting untuk keluarganya. Beliau membuat lempeng kelapa.

Puan Sakina menyediakan sambal ikan bilis. Encik Ismail suka makan lempeng kelapa dengan sambal ikan bilis. Anak-anak mereka pula suka makan lempeng kelapa dengan madu. Irmu dan Imran menolong Puan Sakina menghidangkan makanan. Minuman mereka ialah jus oren.

Imran suka minum susu tetapi Irmu suka minum jus oren. Mereka bersarapan bersama-sama.



Ayat Tunggal

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

Ayat Majmuk

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____